

CNS2738

U CB 12 09 00169 BH999

aab

BN TOLAK ANCCOTA YANG KELUAR MASUK SESUKA MEREKA  
Mahathir PBS

KOTA BELUD, 12 Sept (Bernama) Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) menghendaki parti komponen yang menjadi anggotanya setia dan menghayati perjuangan untuk mencapai cita cita bersama.

+Kita tidak mahu anggota yang sekejap masuk, bila mereka rasa ada keuntungannya, dan keluar bila mereka fikir boleh untung menyertai pihak lain.+

Ketika berucap pada perjumpaan dengan masyarakat Sabah di Padang Bandaran di sini, hari ini, Perdana Menteri, bagaimanapun, berkata BN tidak menaruh perasaan dendam. +Kita akan berlaku baik pada orang yang baik pada kita.+

Pada persidangan akhbar selepas itu di Kem Paradise, di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata pintu masih belum tertutup bagi Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai BN dan bersama sama memajukan negeri ini.

+Tetapi PBS harus sedar, bukanlah mudah untuk keluar masuk. Mereka harus menunjukkan keikhlasan dan memenuhi syarat syaratnya,+ katanya. Beliau tidak menyebut syarat syarat yang dikehendaki itu. Lagi

♥12/09/18 06MST

CNS2747

U CB 12 09 00112 BH999

aab

Mahathir PBS 2 Kota Belud

Perdana Menteri berkata, lawatannya ke Sabah ialah untuk memenuhi jemputan UMNO Sabah, Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah dan Cabungan Dewan Perniagaan Tionghoa Sabah.

Beliau berterima kasih kepada Cabungan Dewan Perniagaan Tionghoa Sabah yang telah menyumbangkan \$150,000 kepada Tabung Perwira dan Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah yang memberi sumbangan \$50,000 kepada BAKTI.

Datuk Seri Dr Mahathir juga gembira melihat UMNO Sabah yang semakin kuat dan mendapat sokongan teguh rakyat negeri ini.

Beliau yakin UMNO bersama parti parti komponen BN lain seperti AKAR dan LDP, akan menang dan menubuhkan kerajaan negeri pada pilihan raya yang akan datang. Bernama

♥12/09/18 08MST